

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN



**TEKS UCAPAN
YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

PERSIDANGAN ORANG ASLI KE-12

26 OGOS 2023 (SABTU)

10:00 PAGI

HOTEL ARMADA, PETALING JAYA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada pengacara majlis.

Yang Berusaha Puan Tijah Yok Chopil,
Pengerusi,
Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM)

Yang Berusaha Encik Jerald Joseph,
Pengarah,
Pusat KOMAS

Yang Berusaha Puan Virpi Kukkasniemi-Leino (Vir-pee Koo-kas-nay-mee Lay-no)
Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia

Rakan-rakan komuniti Orang Asli,
Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Ladies and gentlemen,

1. *I would like to extend a warm welcome to Miss Virpi Kukkasniemi-Leino, Counsellor of the European Union Delegation in Malaysia, for coming to our conference today.*
2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas kurniaanNya, dapat kita bersama-sama menghadiri majlis pada hari ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penganjur kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan pada Persidangan Tanah Orang Asli Ke-12 kali ini dengan tema **“Hormati Hak Tanah & Adat Budaya Orang Asli”**. Tahniah saya ucapkan kepada penganjur iaitu Pusat KOMAS dan JKOASM kerana bertungkus lumus menjayakan program ini.
4. Malaysia tidak terkecuali daripada kesan perubahan iklim. Fenomena cuaca yang melampau seperti taburan hujan yang tinggi serta kemarau berpanjangan akan menjadi pemboleh ubah yang negatif kepada alam sekitar. Kejadian bencana alam seperti kepala air, banjir puing, tanah runtuh dan kebakaran hutan berlaku kerana aktiviti manusia yang memberi kesan terhadap ekologi kawasan hutan.
5. Masyarakat Orang Asli turut terkesan kerana kebergantungan hidup kepada sumber hutan. Hutan membekalkan pelbagai perkhidmatan kepada manusia seperti bekalan udara yang bersih, kawasan tadahan air, serta habitat flora dan fauna. Oleh itu, hutan perlu dijaga dan dipelihara secara kolektif untuk kebaikan generasi masa hadapan yang mempunyai hak untuk hidup dalam dunia yang kaya dengan kepelbagaian biologi serta alam semula jadi.
6. Sejak sekian lama, masyarakat Orang Asli telah hidup secara harmoni dengan alam sekitar. Kebergantungan Orang Asli kepada hasil hutan adalah berprinsipkan hormat dalam mengambil dan memberi kembali kepada alam sekitar.

7. Pengetahuan tradisional berkaitan kepelbagaian biodiversiti di hutan menjadikan masyarakat Orang Asli sentiasa cakna terhadap ekosistem hutan termasuk flora dan fauna. Manakala, cara hidup yang sehati dengan hutan juga membentuk tradisi dan budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Menyedari kepentingan melindungi kelestarian sumber asli negara serta pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli, Kerajaan telah menguatkuasakan **Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah [Akta 795]** pada Disember 2020.
9. Akta ini turut melindungi kepentingan dan hak masyarakat Orang Asli terhadap pengetahuan tradisi yang mereka miliki sejak turun temurun dan memastikan agar mereka memperoleh faedah yang adil dan saksama hasil daripada penggunaan sumber biologi yang diakses berdasarkan pengetahuan tradisi mereka.
10. Sasaran Kedua di dalam **Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2016 – 2025** telah menggariskan menjelang tahun 2025, sumbangan masyarakat Orang Asli dan komuniti tempatan terhadap konservasi dan penggunaan mampan biodiversiti mempunyai peningkatan yang signifikan. Pada masa ini, DKBK sedang disemak semula selaras dengan **Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF)** dan proses ini dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

11. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menggalakkan penyertaan masyarakat Orang Asli, orang asal dan tempatan dalam usaha-usaha pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan selaras dengan Objektif Keempat, **Dasar Perhutanan Malaysia (DPM)** yang dilancarkan oleh Kerajaan pada Mac 2021.
12. Manakala, Objektif 8 **Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM)** turut memberi tumpuan kepada memelihara kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat dalam pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di Semenanjung Malaysia.
13. Dalam hubungan ini, NRECC telah memperkenalkan **Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3)** sejak tahun 2019 sebagai salah satu tindakan strategik konservasi Harimau Malaya dan bagi melindungi khazanah sumber asli negara.
14. Program ini melibatkan aktiviti rondaan penguatkuasaan dan pengawalan di habitat Harimau Malaya dan sukacita saya maklumkan masyarakat Orang Asli turut terlibat dalam pelaksanaannya. Penyertaan masyarakat Orang Asli dalam BP3 telah meningkat dari 133 orang pada tahun 2020 kepada 478 orang pada tahun 2023. Penyertaan masyarakat Orang Asli pada tahun 2024 pula disasarkan seramai 540 orang.

15. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan tahniah di atas pengiktirafan peringkat antarabangsa yang diterima oleh Orang Asli Menraq Patrol Unit, Taman Negeri Royal Belum yang telah meraih kejayaan bersejarah dengan memenangi Anugerah Renjer Antarabangsa daripada *International Union for Conservation of Nature (IUCN) World Commission on Protected Areas (WCPA)* 2023 yang berprestij sempena Hari Renjer Sedunia pada bulan yang lepas.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

16. NRECC komited dalam usaha memelihara khazanah hutan negara dan memastikan komitmen negara untuk **mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan** dicapai. Sehingga kini, Malaysia mempunyai kawasan berhutan sebanyak **54.58 peratus** daripada keluasan tanah negara.

17. Ke arah itu, NRECC telah melaksanakan inisiatif berikut:

- (a) mewujudkan insentif *Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation* (EFT) kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berjumlah **RM150 juta** pada tahun 2023 bagi memastikan hutan-hutan terus terpelihara;
- (b) menguatkuasakan syarat pendengaran awam dan penggantian serentak menerusi Seksyen 11 dan 12, RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 bagi kes penyahwartaan hutan;

- (c) melaksanakan moratorium terhadap projek Ladang Hutan; dan
 - (d) menyelaraskan dan memantau tindakan penguatkuasaan terhadap pencerobohan hutan.
18. Selain daripada inisiatif di atas, Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-73 Tahun 2017 turut memutuskan agar semua pihak yang bertanggungjawab mengelakkan pembangunan utiliti dan bukan utiliti di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Rizab Hidupan Liar (RHL). Namun, sekiranya ia tidak dapat dielakkan maka langkah-langkah perlu diambil bagi meminimalkan kesan terhadap kepelbagaian biologi dan alam sekitar.
19. Contohnya seperti membina laluan secara bertingkat, membina terowong bawah tanah, membina *viaduct* untuk laluan haiwan liar atau menggunakan apa-apa kaedah dan teknologi yang bersesuaian serta mengaplikasikan kaedah pembinaan yang meminimumkan kerosakan alam sekitar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Dari sudut yang lain, **Teras Ke-4, Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan 2018 (NHRAP 2018)** telah menggariskan isu hak penentuan sendiri, infrastruktur, kesihatan, pendidikan, alam sekitar dan ekonomi sebagai keutamaan yang perlu diberi perhatian demi kebajikan masyarakat Orang Asli secara keseluruhan.

21. NRECC menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) sedia memberi khidmat nasihat teknikal kepada JAKOA dan PBN dalam hal ehwal pewartaan tanah Orang Asli sekiranya diperlukan.

Penutup

22. Saya mengharapkan agar persidangan ini dapat memberikan inspirasi dan pemahaman yang lebih mendalam kepada semua pihak yang terlibat, serta memberi dorongan untuk melindungi kebajikan masyarakat Orang Asli, memelihara alam sekitar dan menangani kesan perubahan iklim.
23. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam persiapan dan pelaksanaan persidangan ini. Tanpa usaha bersama, pencapaian sebesar ini tidak mungkin dapat direalisasikan.
24. Akhir kata, marilah kita terus bekerja bersama bagi menjayakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli. Semoga usaha kita bersama ini akan menghasilkan impak yang positif dalam mengangkat martabat dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli.

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*